

Sungai Petani

ENGGAN BEBAN IBU BAPA

Pelajar cemerlang SPM 9A tolak tawaran kerana miskin akhirnya dapat jejak kaki ke UM

Memperoleh keputusan cemerlang 9A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) namun kerana kurang berkemampuan seorang pelajar lelaki hampir menolak tawaran melanjutkan pengajian Asasi Sains Fizikal Universiti Malaya (UM).

Bagaimanapun, berkat keprihatinan majikan tempat bapanya bekerja dan juga bekas guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Merbok, Rafidah Hussein membuatkan remaja terbabit lega kerana bantuan diterima daripada pelbagai pihak.

Remaja terbabit yang agak pemalu, Muhammad Ammar Danial Abdullah, 18, berkata, dia bersyukur menerima bantuan daripada pelbagai pihak antaranya Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) yang sudi membayar yuran RM1,950 untuk satu semester selain sumbangan wang daripada orang ramai hasil bantuan bekas guru yang menularkan kisahnya di media sosial.

Anak bongsu daripada empat beradik yang juga pelajar aliran sains itu menetap di Kampung Sungai Gelam Bujang, Bedong antara tiga penuntut SMK Merbok yang memperoleh keputusan cemerlang 9A turut mendapat tajaan komputer riba daripada pihak Yayasan Pelajaran Mara (YPM).

Menyedari kesusahan hidup bapanya, Abdullah Ismail, 58, yang bekerja sebagai penjual ikan manakala ibu suri rumah, remaja ter-



MUHAMMAD Ammar Danial ketika menerima keputusan SPM.

babit turut membantu bapanya berniaga sementara menunggu tawaran melanjutkan pengajian dengan upah RM25 sehari.

Muhammad Amar Danial berkata, selepas menerima surat tawaran melanjutkan pengajian Asasi di UM di pada mulanya dia mahu menolak kerana menyedari kehidupan keluarga kurang berkemampuan.

"Saya enggan bebankan bapa dengan pendapatannya tidak menentu. Bagi saya cukup jika saya menyambung pengajian di tingkatan enam yang tidak memerlukan banyak kos.

"Namun, berita tawaran melanjutkan pengajian itu sampai ke pengetahuan majikan tempat bapa bekerja dan dia memaklukkannya kepada pihak LZNK selain guru di sekolah yang juga berusaha membantu selepas mengetahui saya menolak tawaran," katanya.

Menurutnya, dia bersyukur serta berterima kasih kepada semua pihak yang membantunya dan kini membuat persiapan mendaftar masuk ke UM yang pada 7 Ogos.

Sementara itu, Rafidah berkata, dia yang setahun bersara diberitahu beberapa guru mengenai kisah Muhammad Ammar Danial yang meminta pertolongan mencari dana dan sumbangan untuk remaja itu.

"Saya sedaya upaya membantu dengan menulis kisahnya dalam Facebook (FB) dan tidak sangka ramai mahu menolong remaja berkenaan sehingga wang diperolehi lebih daripada mencukupi.

"Alhamdulillah, dana terkumpul cukup untuk menampung perbelanjaan remaja terbabit selama setahun pembelajarannya di UM," katanya yang 14 tahun mengajar di sekolah terbabit dengan jawatan terakhir sebagai guru kanan subjek teknik dan vokasional.

Menurutnya, dia bersyukur kerana kebanyakan sumbangan diterima daripada guru, bekas anak murid dan juga rakannya yang prihatin dengan kisah remaja terbabit.

**“
Bagi saya
cukup jika saya
sambung pengajian
di tingkatan enam
Muhammad
Ammar Danial**